



Tujuh IPT Bergabung Popularkan Bahan Geopolimer Sebagai Sumber Alternatif

Sekumpulan penyelidik daripada tujuh Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia bergabung membentuk rangkaian Persatuan Geopolymer Malaysia (MyGeopolimer) dalam usaha memartabatkan penyelidikan bidang geopolimer di Malaysia. MyGeopolimer menyasarkan tempoh dua tahun bermula tahun ini bagi mempromosi dan menyebarluaskan maklumat kepada masyarakat Malaysia dan juga pihak berwajib dalam menjadikan bahan geopolimer sebagai bahan alternatif dalam industri pembinaan. Sebelum ini, kesemua penyelidik bidang ini bergerak secara sendirian untuk meyakinkan pelabur, justeru, penubuhan MyGeopolimer akan mengukuhkan lagi usaha dalam mempopularkan penggunaan bahan geopolimer.

Mesyuarat Pertama MyGeopolimer yang diadakan di Pejabat Anjung Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) telah sebulat suara bersetuju melantik Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin sebagai Presiden manakala Prof. Dr Fauziah Ahmad dari Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Timbalan Presiden. Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan UniMAP, Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah yang secara langsung turut dilantik sebagai Setiausaha MyGeopolimer.

Selain UTP, USM dan UniMAP, MyGeopolimer turut dianggotai oleh wakil dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Persatuan ini akan berpusat di UniMAP memandangkan universiti tersebut telah mempunyai pusat penyelidikan dalam bidang geopolimer iaitu CEGeoGTech yang juga merupakan pusat penyelidikan geopolimer pertama di rantau ASEAN.

